

---

Title	Kemahiran berfikir dalam kurikulum Bahasa Melayu di Singapura
Author	Kamsiah Abdullah
Source	<i>Kongres Linguistik Nasional 1994: "Penalaran dalam berbahasa sebagai sarana peningkatan mutu sumber daya manusia", Palembang, Indonesia, 1 - 5 Juni 1994</i>

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

**KONGRES LINGUISTIK NASIONAL 1994  
MASYARAKAT LINGUISTIK INDONESIA**

Palembang, 1--5 Juni 1994




Makalah No:

**KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KURIKULUM  
BAHASA MELAYU DI SINGAPURA**

**KAMSIAH ABDULLAH  
SINGAPURA-**

MAKALAH INI BELUM DISUNTING



Lembaga Bahasa  
Universitas Sriwijaya

Panitia Penyelenggara



MLI Komisariat  
Universitas Sriwijaya

Kongres Linguistik Nasional 1994

Palembang 1 - 5 Juni 1995

Tema: Penalaran Dalam Berbahasa Sebagai Sarana Peningkatan  
Mutu Sumber Daya Manusia

**Kemahiran Berfikir dalam Kurikulum Bahasa  
Melayu di Singapura**

**Hajah Kamsiah Binte Haji Abdullah  
Nanyang Technological University  
Singapura**

### Pengenalan

Singapura sebagai sebuah negara majmuk, berbilang kaum, agama dan bahasa mempunyai wawasan yang begitu besar dan cerah terhadap pendidikan rakyat. Kecemerlangan dalam pendidikan yang menjadi matlamat negara tidak akan tercapai tanpa polisi yang wajar, berguna, dinamik yang diatur dan digubal sebegitu rupa sehingga ia bukan sahaja dapat mengisi keperluan dan visi negara tetapi juga dapat memenuhi keperluan individu.

Untuk menjadi sebuah negara yang maju, berupaya bersaing dengan dengan negara-negara maju yang lain, Singapura terpaksa melancarkan satu program penggunaan sumber manusia yang cekap, berkesan dan berupaya mencapai matlamat yang akan melancarkan negara ke kurun ke21 - pencapaian yang dapat memenuhi kehendak negara dan keperluan individu. Untuk mencapai semua ini, negara memerlukan individu yang berpendidikan dalam erti kata yang sebenarnya. Kita memerlukan individu yang bukan sahaja berkemahiran tetapi juga berupaya berfikir secara yang baik - secara cekap, lancar, jernih, mendalam dan luas pandangan - yang berkemampuan menerajui kehidupan masing-masing sebaik mungkin.

Berfikir sebagai satu kemahiran dapat dilatih, latihan terbaik ialah melalui sistem pendidikan. Dalam hal ini terdapat dua pendekatan: samaada kemahiran berfikir diajar sebagai satu matapelajaran tersendiri atau kemahiran berfikir diajar dalam subjek-subjek tertentu dalam kurikulum persekolahan. Perbincangan dan alasan untuk kedua-duanya cukup teguh, ia berpusat kepada persoalan sama ada kemahiran berfikir itu 'context-dependent' - bersandar pada konteks khusus atau ia 'context-free' merintasi segala rupa persekitaran. Kedua-duanya benar dan baik .

Satu kajian rintis pengajaran kemahiran berfikir yang melibatkan 39 buah sekolah menengah telah pun dijalankan dalam bahasa Inggeris, dan didapati banyak manfaat yang diperolehi murid. Walau bagaimanapun kemahiran berfikir tidak diajar sebagai satu komponen bebas tetapi dirangkum dan menjadi inti dalam sukatan pelajaran bahasa tanpa menjejaskan fungsi komunikasi bahasa. Menyusuli kajian ini, kemahiran berfikir difikirkan lebih baik diajar dan diliputi dalam mata pelajaran bahasa, samaada bahasa pertama (bahasa Inggeris) ataupun bahasa kedua (bahasa Ibunda).

Bagaimanakah untuk menterjemah atau mengintegrasikan sesuatu proses berfikir yang boleh melahirkan sesuatu 'peristiwa' berfikir' dalam suatu pelajaran bahasa? Inilah yang menjadi bahan kajian dan eksperimen yang tidak jemu-jemu ditangani oleh penyelidik dalam pelbagai bidang pendidikan di Barat dan baru-baru ini di Timur.

Di sini ada baiknya jika saya membuat beberapa tinjauan asas tentang penyelidikan dan teori-teori yang penting dalam perkara ini. Kegiatan berfikir ini mendapat nafas baru hanya setelah pendidik dan guru mempunyai realisasi baru terhadap kepentingan diajar murid-murid 'berfikir' secara sadar. Terdahulu dari ini murid-murid tidak diajar 'berfikir' secara formal, mereka dibiarkan menguasainya sendiri dengan anggapan bahawa mereka akan mampu berfikir dengan baik dengan sendirinya jika mereka telah mampu lulus dalam peperiksaan pelbagai subjek.

Penekanan terhadap 'proses' berfikir bukan saja tentang 'produk atau hasil' dari berfikir, memberi keutamaan kepada proses atau segala yang berlaku sebelum terhasil sesuatu tugas (berfikir). Ini bermakna dengan secara sadar murid-murid melakukan sesuatu bentuk gerak kerja berfikir yang kecil-kecil sehingga mencapai satu kecekapan yang lebih luas atau besar. Maknanya guru mestilah melatih kemahiran yang dikatakan 'prerequisite' atau asas sebelum mengajar kemahiran yang lebih tinggi.

Kemahiran berfikir ialah satu kemahiran kognitif yang melibat persepsi, konsepsi, bertaakul (reasoning), intuisi, penelitian dsb. yang melibatkan pemikiran (mental) secara aktif. Penekanan pembelajaran berfikir terutamanya meletakkan 'reasoning' atau ta'akulan sebagai fokus kognitif. Kemahiran berfikir juga dita'arif sebagai satu derivasi (penurunan) unsur-unsur mental atau fikiran yang lahir dari persepsi dan juga manipulasi mental ataupun satu kombinasi antara keduanya. Dengan

manipulasi mental dimaksudkan segala input berbentuk sensori yang digunakan untuk menggubal fikiran, untuk bertaakul atau untuk menilai.

Disini dirasa sesuai untuk kita membuat peninjauan tentang taarif kemahiran berfikir, berdasarkan karya-karya dari pemikir utama Guildford, Bloom, Feuerstein dan Beyer dan Cohen.

Bloom dalam Taxonominya menyenaraikan 6 kategori kognitif iaitu:

- . pengetahuan (mentaarif, mengenal, mengenalpasi, mengingat, melabel, menamakan, memahami, meneliti, menunjuk, mengumpul)
- . kefahaman (menerjemah, menafsir, menjelaskan, menerangkan, menyimpulkan, meneka-tafsir)
- . applikasi atau penerapan (mengguna, menyelesaikan, mencuba, meramal)
- . analisis atau cerakinan (menyambung, menerangkan, membeza, mengkategorikan, menjenis, menyusun, menyemak, mengumpul, menganjur, detect, mentaahir)
- . sintesis iaitu menggabung, merumus, menyimpul, menyatu segala butur-butir yang ada.
- . penilaian iaitu membuat pertimbangan berdasarkan kriteria tertentu.

Guildford yang termasyhur kerana teori pemikirannya, mengkategorikan 16 dimensi intelek termasuk fikiran bertumpu (convergent) dan fikiran bercapah (divergent). Beliau mengenalpasti 6 kategori kemahiran iaitu: unit, kategori, pertalian, sistem, transformation dan implikasi.

Pemikiran bertumpu berlaku apabila seseorang menganjurkan ideanya, (yang mungkin diperolehi dari pelbagai sumber) supaya ia bertumpu kepada satu titik pertemuan. Biasanya terdapat hanya satu jawapan yang betul sahaja dan seseorang itu melakukan pemikiran bertumpu untuk mendapat satu jawapan yang betul atau benar. Ini samalah seperti berfikir secara logik atau wajar atau deduktif. Kita bermula dengan sesuatu premis, dan jika premis ini betul, telah tercapailah suatu kesimpulan yang benar. Jika ada satu atau dua premis yang tidak benar atau palsu maka kesimpulan itupun tentulah tidak benar juga. Jadi ia melibatkan penaaakulan (reasoning) secara deduktif.

Sebaliknya dalam pemikiran bercapah tidak ada satu jawapan yang betul, jawapannya bersepah-sepah atau berselerak dimana-mana. Banyak jawapan yang boleh diterima. Apabila seseorang berfikir secara bercapah, ia bertujuan menganjurkan fikirannya supaya mendapat seberapa banyak jawapan yang betul (misalnya alternatif, rumusan, kesimpulan) yang sah. Salah satu dari bentuk fikiran bercapah melibatkan berfikir secara induktif: kita memikirkan berbagai kes yang sama atau yang hampir sama kepada apa yang sedang dicari kemudian membuat baru dibuat pengitlakan (generalization). Oleh itu kita tidak boleh mendapati sesuatu ketetapan tentang generalisasi yang kita buat kerana tidak mungkin kita dapat meneliti kesemua kes-kes yang serupa itu. Kemungkinan juga akan muncul fakta baru yang menyebabkan kita terpaksa mengubahsuai atau mengubah terus konklusi awal tadi. Berfikir secara bercapah ini sangat penting dalam pembinaan konsep.

Berfikir secara kritikal pula lain prosesnya. Apabila kita berfikir secara kritikal kita cuba untuk membuat suatu penilaian yang lebih bijak, dengan menggunakan ukurtara tertentu. Jadi, pusat fikiran kritikal terletak dalam penilaian atau evaluasi. - iaitu suatu proses yang menentukan berapakah nilai atau harga barang itu/ bagaimana barang ini berbanding dengan barang itu? dan sebagainya. Ini semua melibatkan pertimbangan halus berbagai alternatif. Penilaian yang bijak melibatkan kriteria atau satu bentuk ukuran yang boleh jadi mempunyai ciri-ciri tertentu, sikap tertentu, atau harga/nilai tertentu. Kriteria ini biasa terbit dari proses induksi kemudian diperguna kepada kes-kes tertentu melalui deduksi.

Pemikiran kreatif pula boleh dikatakan satu bentuk pemikiran bercapah yang tinggi. Ia adalah satu usaha untuk mendapatkan idea baru atau yang belum pernah ditemui (sekurang-kurangnya dalam fikiran si pemikir). Fikiran begini tidak dibatasi oleh sebarang logika atau sebarang fakta, dan tidak semestinya mematuhi sesuatu bentuk yang ditetapkan. Tidak ada peraturan tertentu, tidak ada teknik atau cara tertentu untuk melakukannya. Proses ini mungkin membolehkan fikiran menjelajah ke merata-rata tanpa terhalang dengan fakta dan kenyataan. Kesemua bentuk fikiran ini sangat berkait rapat.

Demikian kategori utama pemikiran yang menjadi pegangan segala macam program pengajaran dan pembelajaran. Segala pendekatan, teknik dan kaedah cuba melibatkan seberapa banyak bentuk 'berfikir' yang mampu diperolehi murid. Gerak kerja



biasanya diatur dari operasi yang mudah kepada yang lebih kompleks, dari dimensi yang mujarad kepada yang abstrak dan dari bahan yang telah biasa kepada bahan yang belum biasa atau baru.

Dalam hal ini Piaget ada mengemukakan tahap pertumbuhan dan perkembangan yang sesuai dengan perkembangan mental kanak-kanak. Kajiannya mendapati satu turutan yang regular tentang perkembangan proses pemikiran yang kadang-kadang berkait rapat dengan umur. Ada kegiatan preoperational yang didominasi oleh persepsi kemudian membangun kepada sesuatu yang lebih sistematik hingga kepada pengetahuan tentang hukum-hukum yang konkrit. Apabila mencapai umur belasan tahun kanak-kanak telah boleh melakukan operasi kognitif yang lebih tinggi dan abstrak .

Cohen (1988) menyarankan 4 proses berfikir yang bergantung kepada ransangan luaran dan keinginan untuk mendapat sesuatu yang berbentuk produktif, seperti mengadili, membuat keputusan, atau menyelesaikan masalah. Beliau menyarankan 4 proses berfikir yang sangat kompleks:

. Menyelesai masalah - iaitu menggunakan proses berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang telah ditaarif atau diketahui: mengumpul fakta-fakta tentang masalah tersebut dan menentukan fakta tambahan yang diperlukan; mentaahir atau menyaran resolusi alternatif dan menguji kesesuaiannya; potensi menjelas atau menjernih masalah ke tahap yang lebih mudah dihurai dan membuang segala diskrepansi - percanggahan; menyediakan kaedah menyemak masalah untuk mendapatkan kesimpulan atau nilai yang umum.

. Membuat keputusan - yaitu menggunakan proses berfikir yang asas untuk memilih respons terbaik dikalangan beberapa pilihan; mengumpul maklumat yang diperlukan dalam sesuatu bidang tajuk, membanding kebaikan dan keburukan sesuatu pendekatan alternatif; menentukan apakah maklumat tambahan yang diperlukan, nilai (judge) respons yang paling berkesan dan cuba untuk memberi sebab atau alasannya.

. Berfikir secara kritikal - menggunakan proses berfikir yang asas untuk menganalisa hujahan dan menubuhkan atau membina 'insight' untuk sesuatu makna, maksud atau tafsiran; menubuhkan pola bertaakul (reasoning) yang jitu, logik dan juga memahami asumsi dan kegenjutan/keseronangan (bias) yang tersirat didalam sesuatu pendapat atau pandangan; cuba mencapai satu cara penyampaian yang terpuji, ringkas dan meyakinkan.

. Berfikir secara kreatif - menggunakan proses berfikir yang asas untuk menubuhkan atau mencipta idea atau hasilan yang bernilai estetik yang membina atau yang berhubung dengan konsep atau prakonsep; dan menekan aspek intuitif (perasaan) selaras dengan aspek logika dan wajar. Penekanan ialah terhadap penggunaan maklumat atau bahan yang diketahui untuk mengeluarkan sesuatu yang 'boleh-terjadi' dan juga yang dapat memperkembang perspektif pemikir yang asal.

Seperti lain-lain pemikir, Beyer membezakan antara kemahiran rendah yang diperlu dan yang kompleks dan pelbagai, misalnya

kemahiran mengenalpasti sesuatu serangga dan mencari ubat untuk menahan gigitan serangga adalah dua kemahiran yang berbeza dari segi darjah kompleksiti dan keupayaan.

Pemikiran kritikal adalah tulang belakang atau keperluan bagi masyarakat yang demokratik (Marzano 1988). tanpa individu yang dapat berfikir secara kritikal sikap yang acuh tak acuh dan akur akan membawa masyarakat ke arah kemusnahan. Di sekolah-sekolah, sikap kritikal mestilah disuburkan supaya murid-murid bukan sahaja berupaya menerima sesuatu secara membuta tuli, tetapi berupaya menyelidik, meneliti dan memeriksa.

Mathew Lipman seorang peneroka dalam bidang pengajaran falsafah kepada kanak-kanak, mengenengahkan konsep sebuah komuniti penyoal dan pemikir dalam sesuatu darjah. Menurut beliau kanak harus digalakkan untuk memikirkan 'bagaimana untuk berfikir', secara aktif dengan mendedahkan mereka kepada kegiatan-kegiatan berfalasafah semasa di sekolah rendah lagi.


Pendekatan yang disaran beliau secara ringkas bermula dengan pendedahan teks atau cerita yang digunakan sebagai model. Melalui kegiatan ini kanak-kanak dapat mengimbas dan memikirkan nilai-nilai budaya yang terbit dari pendedahan tersebut sehinggalah mereka dapat merasai atau meresapi cara berfikir watak-watak dalam sesuatu cerita yang dipaparkan. Kemudian dengan bantutan guru sebagai pemudah dan mengasas, murid sendiri membina dan membincang agenda kognitif masing-masing. Kemahiran kognitif mereka dapat dipertajami melalui perbincangan lanjut

yang kerap dilakukan secara berkumpulan. Pelbagai rancangan, latihan dan alternatif dibincang sehingga murid-murid sendiri dapat merasakan kekuatan makna perkara menjadi persoalan. Selayang pandang, guru nampaknya tidak aktif kerana murid-murid sendiri yang berbincang dan mencapai rumusan tanpa diterangkan oleh guru, tetapi sebenarnya guru memainkan peranan penting untuk memberi motivasi dan menubuhkan rangka perbincangan serta konteks berfikir yang betul.

#### Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura

Bahasa Melayu diajar dari peringkat Sekolah Rendah sebagai Bahasa Melayu Pertama (EM1), Bahasa Melayu Kedua (EM2) dan Bahasa Melayu Ketiga (EM3). Di peringkat Sekolah Menengah pula BM diajar sebagai Bahasa Melayu Lanjutan atau Tinggi dan Bahasa Melayu yang lebih rendah. Dalam pengajaran semua program bahasa Melayu ini, kemahiran berfikir dijadikan kemahiran inti atau teras yang patut dikuasai murid disamping kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Sila rujuk gambarajah 1.

Rajah 1: Peranan Berfikir dalam Konteks Penggunaan Bahasa Secara Komunikasi



Oleh itu bahasa tidak digunakan dalam konteks neutral (atau tanpa konteks) tetapi mestilah meliputi sesuatu topik dan latar yang khusus. Ini akan memberi semacam rangka untuk berfikir yang mungkin tiada atau kurang jelas jika dilakukan tanpa penetapan konteks, atau bidang tertentu itu.

Kemahiran berfikir dianggap sesuai diajar memandangkan sifat sukatan yang fungsional dan komunikatif dimana matlamat utama pembelajaran bahasa bersandar pada fungsi-fungsi bahasa tersebut (fungsi sosial, peribadi, antarperibadi, dll) dalam suatu bidang tertentu. Bahasa adalah alat menyampaikan buah fikiran, fikiran yang jernih akan membuahkannya bahasa yang jelas, tepat, sesuai dan indah. Oleh yang demikian bahasa diajar meliputi sesuatu tema yang ditetapkan.

Di peringkat sekolah rendah terdapat 8 tema atau tajuk utama yang telah dipilih, iaitu

- . alam perhubungan peribadi
- . alam kebersihan dan kesihatan
- . alam kemasyarakatan dan kenegaraan
- . alam masyarakat antarabangsa
- . alam kesenian
- . alam imaginasi
- . alam sains dan teknologi
- . alam semulajadi (alamiah)

Tema yang serupa disediakan untuk peringkat sekolah menengah, hanya penyampaian dan pengadunan isi tentulah lebih berisi sesuai

dengan tahap kebolehan dan kematangan pelajar.

Dalam kedua-dua program, bahasa tidak digunakan dalam konteks neutral (atau tanpa konteks) tetapi mestilah meliputi sesuatu topik dan latar yang khusus. Ini akan memberi semacam rangka untuk berfikir yang mungkin tiada atau kurang jelas jika dilakukan tanpa penetapan konteks, atau bidang tertentu itu.

Bagaimanakah diterap lebih banyak pengajaran atau aktiviti berfikir dalam BM? Makalah ini hanya akan <sup>menunjukkan</sup> ~~menunjukkan~~ ke arah usaha yang dijalankan dalam pembentukan kurikulum dan sukatan Bahasa Melayu di Singapura. Di antara matlamat <sup>penting</sup> ~~penting~~ pembelajaran bahasa Melayu, kemahiran berfikir dijadikan matlamat yang sangat penting dikuasai murid-murid. Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 1993 dinyatakan bahawa matlamat kemahiran berfikir ialah:

"Membina kemahiran murid secara kritis dan kreatif sebagai tindakbalasnya terhadap kandungan pelbagai teks sama ada yang berbentuk tulisan atau lisan".

Murid-murid diharapkan akan dapat mencapai kemahiran berikut:

#### Berfikir Secara Kritis

- . membuat ramalan
- . mengelaskan data atau ciri
- . menggunakan bukti untuk menguatkan hujah

- . membuat rumusan atau kesimpulan
- . menyusun informasi atau data
- . menganalisa bukti yang ada
- . menyelesaikan masalah yang antara lain melibatkan
  - . pengumpulan dan penilaian data atau fakta
  - . pertimbangan alternatif atau cara-cara lain
  - . penyelesaian masalah
  - . pemilihan cara yang terbaik
  - . penilaian kesan daripada cara atau tindakan yang diambil itu.
  
- . menetapkan kriteria atau ukurtara untuk menilai sesuatu perlakuan atau idea
- . membezakan fakta atau pendapat
- . mengenalpasti propaganda dalam iklan, tanggapan <sup>ber-  
sifat</sup> bukur dan pandangan yang berat sebelah
- . mengubah pandangan atau sikap dengan adanya fakta-fakta yang baru
- . dapat membezakan antara nilai dan sikap yang positif dan <sup>negatif</sup> negatif
- . membuat keputusan secara induktif (dari yang umum kepada yang khusus) dan deduktif (dari yang khusus kepada yang umum)
- . dapat menilai baik dan buruknya sesuatu idea, konsep atau pendapat.

### Berfikir Secara Kreatif

- . menerbitkan idea-idea yang asli atau istimewa
- . mengaitkan idea-idea yang berlainan atau berbeza
- . menggunakan pengetahuan yang sedia ada untuk tujuan yang berlainan
- . menyatakan idea dalam satu bentuk ke dalam bentuk yang lain seperti menyatakan laporan dalam bentuk puisi
- . melihat sesuatu masalah, isu atau sesuatu perkara dari sudut yang berbeza
- . memikirkan sesuatu perkara yang dianggap lumrah atau telah diterima umum
- . dapat memahami implikasi-implikasi daripada sesuatu tindakan, masalah atau isu
- . tidak menolak idea yang dianggap aneh

Seterusnya akan dibentangkan beberapa pentaarifan kemahiran berfikir secara kritikal dalam pembacaan iaitu salah satu kemahiran bahasa yang utama. Contoh-contoh akan diberi untuk setiap kemahiran yang menjadi sasaran, tetapi sayugia di ingatkan bahawa ini hanya merupakan suatu contoh subkemahiran inti sahaja dan tidak bermaksud memberi petunjuk tentang bagaimana kemahiran tersebut harus diajar secara terperinci.

### Kemahiran 1

#### Membezakan antara fakta dan pendapat

Suatu fakta ialah suatu pernyataan, atau pertalian yang muncul atau terbit akibat dari suatu pengalaman yang boleh ditaabir (infer) secara tetap atau tentu. Oleh itu fakta atau



maklumat boleh dibuktikan sebagai benar dengan meneliti kesahannya melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai.

Pendapat pula berbeza, ia hanya merupakan suatu pandangan atau suatu pertimbangan atau penilaian tentang sesuatu perkara yang wujud dalam fikiran. Ia boleh jadi 'betul' atau 'salah', 'benar' atau 'bohong', 'sah' atau 'palsu' dan sebagainya.

Sangat penting bagi seseorang supaya berupaya membezakan antara fakta benar atau sah dengan suatu pandangan atau pendapat seorang individu. (sememangnya tentu ada 'darjah' kebenaran atau kebolehpercayaan tentang seseorang atau sesuatu: misalnya kata-kata dari seorang 'pakar' dalam sesuatu bidang tentulah lebih berautoriti dari pendapat orang kebanyakan).

Gerak kerja yang melibatkan kemahiran membezakan antara fakta dan pendapat dapat diberi sebagai berikut:

Contoh:

1. Ayat yang manakan yang menunjukkan fakta?
  - a) Rumah pangsa ialah rumah yang paling sesuai bagi rakyat Singapura.
  - b) Kebanyakan rakyat Singapura tinggal di rumah pangsa.
  - c) Keadaan rumah pangsa amat selesa dan bersih.
  - d) Ramai di antara penghuni rumah pangsa yang gemarkan keadaan sekitarnya.
  
2. a) Ubat gigi Putih Berseri benar-benar menyerikan hidup anda.

- b) Ia dibuat dari ramuan yang paling segar dan terbaik.
- c) Ia diperakui oleh pakar-pakar pergigian yang ternama.
- d) Ubat gigi Putih Berseri akan dijual di pasaran mulai bulan hadapan.

### Kemahiran II - Membuat rumusan, pentaabiran (inferensi) dan pengitlakan (generalization)

Taabiran yang berbentuk induktif memerlukan seseorang mentafsir sesuatu berdasarkan pengamatan dan informasi. Murid-murid terpaksa memikirkan bukan sahaja sesuatu fakta yang nyata tetapi berfikir melampaui batas fakta - mentafsir makna yang jelas dan yang tersirat disebalik sesuatu kenyataan sebelum mencapai sesuatu rumusan atau kesimpulan tentang perkara tersebut.

Pengitlakan melibatkan kemampuan yang lebih jauh dari taakulan berbentuk induktif - taabiran diluaskan daripada suatu perkara yang khusus kepada yang lebih meluas atau lebih jauh. Oleh itu terpaksa difikirkan sama ada data atau informasi yang sedia wujud itu sudah mencukupi sebagai bukti atau alasan untuk meluaskan bidang permaknaaan tadi.

#### Contoh Petikan

"Pada pagi itu aku, Misah dan Janah, kawanku dari madrasah pergi dari rumah ke rumah untuk memungut derma wang dan pakaian bagi mangsa banjir di Kampung Selasih. Selepas memungut di dua buah rumah kami tidak terlarat lagi mengangkut pakaian dan

barang-barang keperluan yang diberi orang. Misah menebalkan muka meminta murid-murid lelaki yang malas membantu kami. Dengan suka hati mereka pun turut serta. Kami telah dapat mengumpul banyak wang, pakaian dan peralatan rumah - tidak sesialah penat-lelah kami".

Soalan ramalan/inferensi

- 3 Wang dan pakaian itu akan disampaikan kepada mangsa banjir.
- A. mungkin benar B. mungkin tidak C. tidak pasti
4. Mangsa banjir Kampung Selasih mengucapkan berbanyak terima kasih kepada murid-murid tersebut.
- A. mungkin benar B. mungkin tidak C. tidak pasti
5. Murid-murid lelaki dan perempuan yang bekerjasama itu telah dapat memungut lebih banyak pakaian dari apa yang mereka boleh dapati jika mereka pergi bersendirian.
- A. mungkin benar B. mungkin tidak C. tidak pasti
6. Jika murid perempuan itu tidak meminta bantuan tentu murid lelaki tidak akan membantu.
- A. mungkin benar B. mungkin tidak C. tidak pasti

Soalan pengitlakan

6. Murid-murid yang bersekolah di madrasah berhati mulia.

Kemahiran III:Mengenalpasti anggapan yang tersirat

Kadangkala kita dapati bahawa kita terpaksa membuat taabiran (inferensi) tentang sesuatu idea atau perkara yang tersirat atau tersembunyi di sebalik sesuatu pernyataan. Ini dikatakan suatu anggapan atau asumsi (assumptions); kadang-kadang asumsi itu begitu nyata sehingga tidak disedari oleh kita dan adakalanya payah untuk dikenalpasti. Untuk menjadi seorang pemikir yang baik, kesedaran tentang anggapan/makna yang tersirat dan asumsi yang tersembunyi patut dipupok supaya sesuatu duduk perkara menjadi lebih jelas.

Contoh kemahiran yang melibatkan Asumsi yang tersirat

Apakah anggapan yang tersembunyi disebalik kata-kata di bawah ini?

**Faridah seorang murid yang pandai kerana ia tidak mencabar kata-kata gurunya.**

- A. Faridah menjadi pandai kerana ia mengikut kata-kata gurunya.

- B. Semua murid-murid yang pandai tidak akan mencabar kata-kata guru mereka.
- C. Hanya murid-murid yang bodoh mencabar kata-kata guru mereka.
- D. Kebanyakan murid yang pandai tidak mencabar kata-kata guru mereka.

Encik Marzuki, seorang peguam yang berhemah tinggi tidak mungkin melakukan rompakan tersebut.

- A. Encik Marzuki tidak pernah melakukan kesalan jenayah seperti merompak.
- B. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa Encik Marzuki melakukan rompakan itu.
- C. Peguam ialah orang yang baik dan tidak mungkin melakukan rompakan.
- D. Encik Marzuki bukan seorang yang berhemah tinggi jika ia melakukan rompakan.

Demikian serba sedikit contoh beberapa kemahiran berfikir yang dapat diterapkan didalam bilik darjah. Saya percaya bahawa kemahiran berfikir mesti diajar disekolah-sekolah samaada dalam pelajaran bahasa sebagai suatu kurikulum khas atau diterap dan digabungjalinkan sahaja dengan kemahiran-kemahiran asas bahasa yang lain. Walaupun sebahagian daripada kemahiran ini memang boleh didapati tanpa 'belajar secara formal' tetapi tentulah dengan

perancangan yang baik, pelaksanaan yang lancar dan sikap yang positif dikalangan guru-guru, kemahiran berfikir murid-murid dapat dipertingkat ke tahap yang lebih tinggi, berkesan, cekap dan lebih padu.

----- s e l e s a i -----

160593may/

Demikian serba sedikit contoh beberapa kemahiran berfikir yang dapat diterapkan didalam bilik darjah. Saya percaya bahawa kemahiran berfikir mesti diajar disekolah-sekolah samaada dalam pelajaran bahasa sebagai suatu kurikulum khas atau diterap dan digabungjalinkan sahaja dengan kemahiran-kemahiran asas bahasa yang lain. Walaupun sebahagian daripada kemahiran ini memang boleh didapati tanpa 'belajar secara formal' tetapi tentulah dengan perancangan yang baik, pelaksanaan yang lancar dan sikap yang positif dikalangan guru-guru, kemahiran berfikir murid-murid dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, berkesan, cekap dan lebih padu.

#### Rujukan

Beyer, Barry K, Inquiry in the Social Studies Classroom, edisi kedua, Columbus Ohio: Charles E Merrill, 1979.

Bloom, B.S. dll. Taxonomy of Educational Objectives: Handbook 1: The Cognitive Domain. New York: David McKay, 1956.

Cohen, Josef. Thinking. Chicago: Ranf Mc Nally 1971.

Lipman, M. Thinking in Education, New York: Cambridge University Press, 1991.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu : Sekolah Rendah , Kementerian Pelajaran Singapura, 1993.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu : Sekolah Menengah , Kementerian Pelajaran Singapura, 1993.

Torrance E dan Meyers, R.E. Creative Learning and Teaching, New York: Dodd, Mead, 1970.